

Sumbangan Naskhah Umdat Al-Muhtajin Abad 17 Masihi dalam Pembinaan Akhlak

The Contribution of Naskhah Umdat al-Muhtajin in the 17th Century AD to the Development of Akhlaq

FAIRUZAH BASRI & MUJAINI TARIMIN

ABSTRAK

Naskhah Umdat al-Muhtajin adalah sebuah karya penulisan abad ke-17 Masihi yang masih dalam bentuk tulisan tangan. Ia tersenarai sebagai salah sebuah manuskrip yang popular di alam Melayu. Naskhah ini boleh ditemui dalam beberapa naskhah salinan di beberapa repositori manuskrip Melayu utama seluruh dunia. Kewujudan lebih daripada tiga puluh naskhah ini dalam bentuk salinan tulisan tangan memberi petanda kepada kelebihan naskhahnya. Naskhah Umdat al-Muhtajin adalah karangan asal Syeikh Abdul Rauf Singkel, seorang mufti Kerajaan Aceh Darussalam, Banda Aceh yang terletak di Sumatera Utara. Makalah ini bertujuan mencungkil aspek pembinaan akhlak daripada hasil penulisan seorang mufti yang banyak memberi sumbangan kepada dunia penulisan alam Melayu. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen yang terdapat pada naskhah tulisan tangan menerusi pendekatan filologi. Tahap awal metodologi ialah mengesan naskhah di beberapa repositori dunia dan membuat senarai keberadaan naskhah tersebut. Tahap berikutnya pula ialah melakukan kodikologi naskhah serta menganalisis aspek pembinaan akhlak yang merupakan dimensi dalaman dan luaran seorang manusia. Dimensi dalaman adalah hasil fikiran minda dan persetujuan hati. Dimensi luaran pula adalah cetusan tingkah laku hasil fikiran. Justeru, akhlak adalah suatu yang diusahakan dan menjadi kelaziman, seterusnya melambangkan keperibadian seseorang. Kajian ini mendapati bahawa pembinaan akhlak dalam naskhah Umdat al-Muhtajin dimulai daripada dimensi dalaman melalui kesedaran akidah terhadap keesaan Allah SWT. Manakala asas keimanan terhadap keesaan Allah terangkum dalam kalimah La ilaha illa'lah Muhammad Rasulullah. Berdasarkan kefahaman terhadap asas ini, analisis dokumen mendapati pembinaan akhlak diikuti dengan latihan sentiasa mengingati Allah menerusi kaedah zikir dengan kalimah tauhid. Tahap seterusnya ialah membina disiplin rutin seharian melalui ibadah sunat. Berdasarkan tahap ini, Syeikh Abdul Rauf didapati berusaha membentuk akhlak seseorang secara Islami, dimana beliau tetap mengambil kira tuntutan dunia dan kehidupan akhirat. Secara kesimpulannya, pembinaan akhlak berdasarkan pemikiran Syeikh Abdul Rauf dalam naskhah yang dikaji ini telah berjaya membangunkan satu model pembinaan akhlak yang diharap dapat menjadi panduan dalam menghadapi permasalahan berkaitan pembangunan akhlak pada hari ini.

Kata kunci: Filologi; manuskrip Melayu; naskhah kitab; pembinaan akhlak; salinan tangan

ABSTRACT

Naskhah Umdat al-Muhtajin is a work of writing from the seventeenth century AD that is still in handwritten form. It is one of the most widely distributed manuscripts in the Malay world. This copy is one of numerous that exist in several of the world's major Malay manuscript repositories. The existence of over thirty of these manuscripts in the form of handwritten copies demonstrates the manuscript's superiority. It is the work of Sheikh Abdul Rauf Singkel, a mufti in the Kingdom of Aceh Darussalam, Banda Aceh, in northern Sumatra. This paper will examine characteristics of akhlaq or moral development as revealed via the writings of a mufti who has made significant contributions to the world of Malay literature. The methodology of this study is based on a philological approach to document analysis found in handwritten manuscripts. The process begins by locating the document in many global repositories and compiling a list of its locations. The following stage is to conduct a codicology of the manuscript and to analyse the aspects of moral construction, which are a person's internal and external dimensions. The inner dimension is created by the mind's thoughts and the heart's consent. On the other side, the external dimension is the breakout of thought-provoking conduct. Thus, morality is fostered and eventually becomes the standard, symbolising one's individuality. This study demonstrates that the development of morality in the text of Umdat al-Muhtajin begins on an interior level with an awareness of Allah SWT's oneness. While the phrase La ilaha illa'lah Muhammad Rasulullah contains the basis for confidence in Allah's oneness. According to this interpretation, the document's examination revealed that the formation of morality is followed by instruction to always remember Allah via the process of remembering associated with the

word tauhid. The next stage is to establish daily routine discipline through sunnah or supplemental worship. On this level, Sheikh Abdul Rauf was discovered to be attempting to mould one's morality in an Islamic manner while also considering the demands of the world and the hereafter. In conclusion, this manuscript's building of morality based on Sheikh Abdul Rauf's thoughts has succeeded in constructing a model of moral development that is expected to serve as a guide in addressing contemporary moral development issues.

Keywords: Philology; Malay manuscripts; a copy of a book; akhlaq or moral development; hand copy

PENGENALAN

Naskhah *Umdat al-Muhtajin* atau nama lengkapnya *Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin* adalah sebuah karya abad 17 Masihi yang masih dalam bentuk naskhah tulisan tangan yang dikenal sebagai manuskrip Melayu. Penjejukan naskhah mendapati naskhah ini terdiri dalam pelbagai versi. Jumlahnya melebihi tiga puluhan (30) naskhah tulisan tangan yang tersimpan di beberapa repositori utama, selain simpanan peribadi menunjukkan kepada keunikan naskhah ini. Naskhah ini adalah karangan asal Syeikh Abdul Rauf Singkel (m. 1693M), seorang ulama Melayu yang mendapat pendidikan di negara Arab selama sembilan belas (19) tahun, seperti yang tercatat di kolofon naskhah ini.

Sebaik sahaja kembali ke tanah air, beliau dilantik menjadi mufti Kerajaan Aceh Darussalam, Sumatera Utara, Indonesia oleh Sultanah Safiatuddin (1641-1675M); permaisuri Sultan Iskandar Thani (1636-1641M) dan puteri Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636M) (Azyumardi Azra 2004). Jawatan mufti disandang sepanjang pemerintahan Sultanah Kerajaan Aceh Darussalam selepas kemangkatan Sultanah Safiatuddin yang dilanjutkan oleh Sultanah Naqiatuddin (1675-1678), Sultanah Zakiatuddin (1678-1688M) dan Sultanah Kamalat Syah (1688-1699M). Syeikh Abdul Rauf meninggal pada tahun 1693M dan dimakamkan di Kuala Krueng, Banda Aceh (Mohamad Said 1981). Selepas kewafatannya, beliau lebih dikenal sebagai 'Syeikh Kuala' sempena tempat pemakamannya dan pelbagai sumbangannya kepada kerajaan dan masyarakat Aceh (A. Hasjmy 1977).

Penulisan naskhah *Umdat al-Muhtajin* termasuk penulisan awal Syeikh Abdul Rauf Singkel. Malah, terdapat beberapa catatan pada kolofon naskhah *Umdat al-Muhtajin* yang lain, terutamanya naskhah MSS 2168 yang menyatakan naskhah ini ditulis semasa Syeikh Abdul Rauf masih di negara Arab dengan catatan "*tammam al-kitab al-musamma bi-Umdat al-Muhtajin karangan Syeikh Abdul Rauf yang fani fi'llah al-Jawi al-Fansuri fi zaman naik haji*". Klausula *fi zaman naik haji* bermaksud pada

masa naik haji atau semasa menunaikan haji. Ibadah menunaikan haji hanya dilaksanakan di Mekah, Arab Saudi. Ini membuktikan penulisan kitab ini dilakukan semasa Syeikh Abdul Rauf masih di perantauan, namun beliau berhasrat menyampaikan penulisan kepada masyarakatnya di alam Melayu. Justeru, beliau menulis dengan bahasa ibundanya, bahasa Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen terhadap naskhah tulisan tangan menerusi pendekatan filologi. Filologi ialah ilmu yang menyediakan metodologi dan langkah-langkah yang teruji dan sesuai untuk mengkaji hasil sastera tradisional, seperti manuskrip, naskhah dan teks (Siti Hawa Mohd Salleh 2009). Pendekatan filologi melalui tiga tahap: (i) tahap pengesanan, (ii) tahap pengenalanpastian naskhah atau dikenal juga sebagai kodikologi dan penetapan naskhah kajian (iii) tahap analisis teks (Siti Hawa Mohd Salleh 2009).

TAHAP PENGESANAN

Tahap pengesanan adalah mengenal pasti keberadaan naskhah (Marini 2006). Tahap ini dimulai dengan proses pencarian naskhah di beberapa repositori dunia. Hasil proses, menemukan sembilan (9) repositori yang memiliki naskhah tulisan tangan kitab *Umdat al-Muhtajin*. Repositori tersebut ialah; (i) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kuala Lumpur, (ii) Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, (iii) Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (PNRI), Jakarta, (iv) Balai Pameran Islam Sultan Haji Hasanah Bolkih Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, (v) Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda, (vi) Perpustakaan Diraja (*Royal Library*) Berlin, Jerman, (vii) Perpustakaan Nasional, Paris, (viii) Koleksi Peribadi Ali Hasyimi Banda Aceh, (ix) Koleksi peribadi Syamsul Anwar, Banda Aceh. Jumlah naskhah tulisan tangan kitab *Umdat al-Muhtajin* yang ditemui ialah lima puluh lapan (58) naskhah.

TAHAP PENGENALPASTIAN NASKHAH DAN PENETAPAN NASKHAH KAJIAN

Tahap ini ialah mengenal pasti sebuah naskhah sebagai satu karya lama yang masih asli berbentuk tulisan tangan. Oleh itu, bahan ini tergolong sebagai barang lama atau artifak dalam kategori boleh disentuh sebagai satu naskhah lama dan juga kategori tidak boleh disentuh kerana kandungan penulisannya perlu dikaji. Justeru dalam kajian ini, naskhah yang dikenalpasti ialah naskhah MSS 4210-A, koleksi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kuala Lumpur. Perolehan naskhah dimulai dengan pengesanan di *Katalog Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia* dan diikuti dengan kajian lapangan di PNM. Naskhah ini menjadi penetapan bahan kajian. Penetapan naskhah MSS 4210-A juga menjadi batas kajian. Ini menunjukkan bahawa naskhah lain dalam judul yang sama, seperti naskhah MSS 1314-b, MSS 2076 dan MSS 3560, dalam koleksi yang sama di PNM, KL atau koleksi yang lain, tidak termasuk dalam kajian ini.

TAHAP ANALISIS TEKS

Tahap ini ialah menganalisis teks untuk mendapatkan fokus kajian. Dalam kajian ini, naskhah MSS 4210-A yang dipilih akan melalui proses analisis teks penulisan atau dikenal juga sebagai analisis dokumen atau analisis kandungan. Analisis ini ialah usaha meneliti tekstual sesebuah karya sastera (Fairuzah Basri 2015; Endraswara 2008) secara keseluruhan sebuah teks atau hanya satu aspek yang menjadi fokus kajian. Menerusi kaedah ini, isi teks berkaitan pembinaan akhlak akan dikenal pasti dan dicungkil untuk dibincang secara lebih mendalam. Sehubungan ini, aspek pembinaan akhlak akan dicungkil menggunakan kaedah tematik. Tematik adalah satu kaedah untuk mengesan tema yang telah dikenal pasti untuk dibincang (Mana Sikana 1988).

Pengesanan tematik akan menggunakan software QSR NUD*IST Vivo (N-Vivo) version 10. Menerusi perisian ini, gerak kerja bermula dengan penyediaan import dokumen dan merangka *nodes*. Dokumen yang menjadi bahan kajian akan diimport ke dalam *folder* projek. Bahan ini perlu terlebih dahulu melalui proses transkripsi. Dalam kajian teks naskhah MSS 4210-A, teks ini akan melalui proses transliterasi. Gerak kerja N-Vivo dilanjutkan dengan penyediaan *nodes*, iaitu perbincangan idea yang telah dibentuk sebagai konsep kajian. Berikutnya, analisis data N-Vivo adalah berdasarkan *attributes* yang diarahkan. Semasa proses analisis berlaku,

ketiga-tiga elemen dalam N-Vivo akan bekerjasama untuk menghasilkan *output* yang dikehendaki.

PERBINCANGAN

Akhlak adalah budi pekerti, kelakuan dan tabiat (Kamus Dewan 2007) yang tercetus daripada dalaman yang juga dikenal sebagai budi. Daripada dalaman lahir tindakan zahir. Seajar ini, terdapat mafhum hadith Nabi SAW, riwayat Imam Bukhari (Hadith No. 52) dan Imam Muslim (Hadith No. 1599) yang menyatakan aspek yang sama, iaitu hati sebagai segumpal darah yang menentukan suatu jasad; bila baik gumpalan darah ini, maka baik seluruh jasad, bila buruk, maka buruk juga seluruh jasad. Ini menunjukkan hati adalah asas tindakan jasad seseorang. Justeru, bila hati yang bersifat dwi-fizik; (bentuk fizik sebagai satu gumpalan darah dan bukan fizik sebagai tempat sesuatu unsur dalaman) diisi dengan suatu unsur dalaman, seperti kebaikan, maka akan lahir tindakan zahir yang juga baik, jika diisi dengan unsur dalaman yang bersifat buruk, maka buruklah jasad. Sehubungan ini, akhlak adalah dimensi dalaman yang menjadi pendorong kepada kemunculan sifat luaran seorang. Dimensi dalaman berpusat difikiran minda dan hati. Dimensi luaran pula adalah cetusan tingkah laku. Sehubungan ini, pembinaan akhlak dalam naskhah *Umdat al-Muhtajin* melibatkan dua dimensi tersebut.

DIMENSI DALAMAN: KESEDARAN AKIDAH TERHADAP KEESAAAN ALLAH SWT

Dimensi dalaman pada naskhah *Umdat al-Muhtajin* dilihat pada kesedaran akidah terhadap keesaan Allah SWT. Sesuai dengan kedudukan akidah sebagai asas agama Islam (al-Juwaini 1999), demikian juga penampilan elemen akidah dalam naskhah *Umdat al-Muhtajin* yang ditampilkan pada bab pertama (disebut sebagai *al-fadilah al-Ula*). Dalam naskhah ini, Syeikh Abdul Rauf, sebagai pengarang kitab menyebutkan “*bahawasanya yang pertama wajib atas segala orang yang akil baligh itu, yaitu mentauhidkan Haq subhanahu wa ta’ala*”. Bermula dari sini, Syeikh Abdul Rauf memberi interpretasi terhadap aspek tauhid dengan katanya, “*mentauhidkan Haq subhanahu wa ta’ala ertinya membangsyakan Haq ta’ala dengan sifat wahdaniyyat dengan ikrar akan la ilaha illa’Llah*”. Malah, menurut Syeikh Abdul Rauf, tauhid semakna dengan makrifatu’Llah atau mengenal Allah, seperti katanya “*Dan kata setengah ulama, bahawa yang*

pertama wajib itu, makrifatu'Llah. Maka adalah dua kata ini, pada hukumnya satu jua.”. Sehubungan ini, Syeikh Abdul Rauf menegaskan sebaik sahaja seseorang mencapai umur baligh, tugas pertama yang mesti dilakukan adalah makrifatu'Llah atau mengenal Allah.

Makrifatu'Llah tidak akan berlaku dengan sendiri. Sebaliknya, ia perlu diusahakan. Antara usahanya ialah melalui pembelajaran, khususnya pembelajaran ilmu Tauhid. Di sinilah terlihat usaha pengarang kitab *Umdat al-Muhtajin* memberi dimensi dalaman kepada hati; melalui pembelajaran terhadap ilmu Tauhid, sebagai asas pembelajaran sebaik sahaja seorang Muslim mencapai tahap umur baligh. Naskhah kitab *Umdat al-Muhtajin* menyampaikan pembelajaran ilmu Tauhid secara ringkas. Asas ilmu Tauhid yang ditampilkan ialah makrifatu'Llah (menenal Allah) dan makrifat al-Rasul (menenal rasul). Kaedah makrifatu'Llah yang diketengahkan adalah berdasarkan kaedah ilmu Kalam Syeikh Sanusi al-Kubra (m 1490 M) dalam tulisan utamanya, *Umm al-Barahin* (1969). Menerusi kaedah ini, makrifatu'Llah dikenalkan berdasarkan sifat Allah yang dirangkumkan dalam dua puluh (20) sifat, seperti frasa “*Adapun setengah daripada segala sifat yang wajib bagi Haq ta'ala itu dua puluh sifat.*”

Mempelajari ilmu Tauhid adalah sebahagian daripada asas iman. Iman adalah aspek dalaman dan juga aspek kepercayaan. Tempat iman adalah di hati, seperti yang dinyatakan Imam al-Ghazali dalam kitab utamanya, *Ihya' Ulum al-Din* (1967), “Iman ialah membenaran dengan hati”. Sehubungan ini, akhlak juga bermula daripada hati. Oleh itu, hati yang diisi dengan iman akan menampilkan akhlak yang sesuai dengan tuntutan iman. Iman bukan sekadar membenaran dengan hati tetapi juga pengakuan dengan lidah.

Sehubungan ini, naskhah kitab *Umdat al-Muhtajin* melanjutkan tuntutan iman dengan katanya “*.mentauhidkan Haq subhanahu wa ta'ala ertinya membangsyakan Haq ta'ala dengan sifat wahdaniyyat dengan ikrar akan la ilaha illa'Llah*”. Di sini, pengakuan dengan lidah digambarkan dengan “ikrar”, iaitu pengakuan berlisian dengan kalimah *la ilaha illa'Llah*. Oleh kerana ini, kitab *Umdat al-Muhtajin* menegaskan kalimah ini adalah kalimah tauhid. Kalimah ini kemudiannya memainkan peranan yang besar dalam membina kesedaran akidah. Ini kerana kalimah ini adalah kalimah penyaksian terhadap keesaan Allah SWT. Justeru, Syeikh Abdul Rauf memilih kalimah ini sebagai

lafaz zikir dengan kaifiat bacaan tertentu. Peranan kalimah tauhid ini amat ketara dalam kitab *Umdat al-Muhtajin* kerana perbincangan kelebihan kalimah tauhid ini dikhususkan dalam bab ketiga. Pada bab ini, Syeikh Abdul Rauf telah memuatkan empat puluh satu (41) hadith Nabi SAW tentang kelebihan kalimah *la ilaha illa'Llah*. Pada bahagian penutup bab ketiga ini, Syeikh Abdul Rauf menegaskan “*Bahawa inilah setengah daripada hadith yang menyatakan fadilat la ilaha illa'Llah yang diambil kebanyakannya dari kitab.*”. Sehubungan ini juga, kitab *Umdat al-Muhtajin* menetengahkan dimensi dalaman menerusi kesedaran akidah sebagai asas pembentukan akhlak.

DIMENSI LUARAN: TAHAP 1: LATIHAN DIRI SENTIASA MENINGATI ALLAH MENERUSI KAEDAH ZIKIR

Proses pembinaan akhlak dalam naskhah kitab *Umdat al-Muhtajin* dilanjutkan dengan jelmaan tindakan luaran menerusi dimensi luaran, dimensi yang dapat dilihat oleh orang lain. Dimensi luaran ini melibatkan latihan diri sentiasa mengingati Allah menerusi kaedah zikir. Dimensi ini diketengahkan oleh naskhah kitab *Umdat al-Muhtajin* pada bab kedua menerusi pembuka bab, dengan ungkapan “*Faedah yang kedua daripadanya pada menyatakan segala adab zikir dan setengah daripada segala kaifiatnya.*” Zikir adalah satu ibadah yang dianjurkan oleh Allah, seperti firman-Nya pada surah al-Baqarah, ayat 152 dan ayat 200, dan juga dianjurkan oleh Nabi SAW seperti pada beberapa hadith beliau, antaranya yang diriwayatkan oleh Imam Muslim. Demikian juga, para ulama amat menganjurkan zikir, antaranya Imam al-Ghazali, seperti dalam kitabnya, *Ihya' Ulum al-Din* (1967). Dalam kitab ini, Imam al-Ghazali (1967) menggambarkan zikir adalah latihan kerohanian secara berterusan berdasarkan kemampuan, sama ada pada jumlah ulangan mahupun kekerapan, tanpa meninggalkan usaha menyara kehidupan.

Sehubungan dengan makna zikir ialah menyebut nama Allah berulang-ulang dengan maksud memuji dan mengingati Allah (Ibn al-Manzur 2012), maka zikir terlaksana dengan pengucapan suatu kalimah. Kalimah zikir yang dianjurkan oleh Syeikh Abdul Rauf, pengarang naskhah kitab *Umdat al-Muhtajin* adalah kalimah makrifatu'Llah yang juga dikenal dengan kalimah syahadah; *La ilaha illa'Llah*, seperti yang diperincikan pada bab pertama dan bab ketiga naskhah ini. Syeikh Abdul Rauf juga menyatakan

zikir yang menjadi fokus kitab *Umdat al-Muhtajin* adalah Zikir Darajat, iaitu zikir yang memerlukan adab dan kaifiat. Justeru, menurut Syeikh Abdul Rauf, zikir yang dianjurkan bukan sekadar Zikir Hasanat, iaitu zikir untuk mendapatkan pahala, tetapi ialah Zikir Darajat, iaitu zikir yang boleh meninggikan martabat diri pengamal zikir.

Sehubungan ini, terdapat dua puluh (20) adab zikir yang dikemukakan oleh Syeikh Abdul Rauf dalam kitab *Umdat al-Muhtajin*. Dua puluh adab tersebut dipecahkan kepada 3 kelompok, iaitu adab sebelum zikir, semasa zikir dan selepas zikir. Selain adab zikir, Syeikh Abdul Rauf juga menekankan kaifiat zikir, secara *jahr* (nyaring dan terang), berbanding secara *sirr* (perlahan). Kaifiat zikir *jahr* pula menggunakan kaedah *nafi ithbat*.

Natijah Zikir Darajat di atas akan membuahkan faedah kepada pengamal zikir, seperti yang terakam pada bab keempat naskhah kitab *Umdat al-Muhtajin*, dengan katanya; "... pada menyatakan segala faedah yang hasil bagi orang yang karamia dengan kalimah *La ilaha illa'Llah*. Maka itu amat banyak." Faedah yang diketengahkan adalah kemunculan akhlak mulia pengamal zikir, iaitu sifat zuhud, tawakal, malu, *ghina*, fakir, *futuwah*, syukur, berkat, murah rezeki dan terbuka hakikat halal dan haram.

Natijah zikir yang dinyatakan ini amat berkait rapat dengan gambaran akhlak mulia yang diperlukan dalam masa kini. Namun, menurut Syeikh Abdul Rauf, natijah ini tidak akan tercapai seandainya amalan zikir tidak dilaksanakan dengan penuh ikhlas kerana Allah SWT, seperti yang dinyatakan pada bahagian akhir bab keempat kitab *Umdat al-Muhtajin* dengan ungkapan berikut "*sayugianya orang yang mengerjakan zikir itu jangan dimaksudkan dengan zikirnya itu lain daripada wajhu'Llah. Dan apabila diniatkan akan yang lain daripada wajhu'Llah maka yaitu mahjub*."

Selain akhlak mulia di atas yang menampakkan sifat dalaman seorang pengamal zikir, naskhah kitab *Umdat al-Muhtajin* turut menyerlahkan sifat luaran, seperti yang diketengahkan pada bab ketujuh. Terdapat sebanyak tiga puluh tujuh (37) sifat ahli ibadah dan 26 hadith yang menggambarkan sifat seorang mukmin. Antara sifat ahli ibadah ialah tidak mahu berhutang, tidak mengutip kembali barang yang jatuh, menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, sentiasa diam atau berfikir sebelum berkata, sentiasa melihat keaiban diri sendiri daripada melihat keaiban orang lain dan sentiasa berwuduk terutamanya bila berhajat

memotong rambut, mencukur bulu, memotong kuku dan menukar pakaian.

DIMENSI LUARAN: TAHAP 2: MEMBINA DISIPLIN RUTIN SEHARIAN DENGAN IBADAH SUNAT

Dimensi luaran tahap kedua melibatkan pelaksanaan beberapa ibadah sunat yang dianjurkan menjadi rutin harian pengamal zikir. Dimensi ini ditampilkan pada bab keenam naskhah kitab *Umdat al-Muhtajin*. Antara ibadah yang ditekankan dan dijelaskan secara terperinci ialah solat Nafilah, wirid dan tilawah al-Qur'an.

Salat Nafilah yang diketengahkan Syeikh Abdul Rauf secara terperinci dalam kitab *Umdat al-Muhtajin* ialah salat Tasbih, Duha, Awwabin berserta Istikharah dan salat Tahajjud. Setiap ibadah sunat ini disertakan kaifiat secara terperinci dan fadilat ibadah. Amalan salat Nafilah turut menjadi anjuran para ulama terdahulu, seperti Imam al-Ghazali menerusi anjurannya dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din*, Abu Talib al-Makki dalam kitabnya *Qut al-Qulub*, dan amalan para guru dalam salasilah guru Syeikh Abdul Rauf, antaranya Syeikh Muhammad al-Ghawth, seperti yang dirakamkan dalam kitab beliau berjudul *Jawahir al-Khams*.

Selain amalan salat Nafilah, wirid turut menjadi anjuran Syeikh Abdul Rauf dalam kitab *Umdat al-Muhtajin*. Wirid yang disarankan ialah wirid selepas salat lima waktu. Amalan wirid ini juga dilengkapi dengan kaifiat amalan dan sumber amalan, iaitu amalan masyarakat Madinah dan amalan gurunya, Ibrahim al-Kurani. Selain wirid selepas salat lima waktu, Syeikh Abdul Rauf turut menampilkan wirid Ratib Syeikh serta Awwad al-Fathiyyah dan Awwad al-Asriyyah.

Tilawah atau membaca al-Qur'an juga menjadi anjuran ibadah oleh Syeikh Abdul Rauf. Tilawah al-Qur'an melibatkan keseluruhan al-Qur'an atau surah-surah penting, seperti surah Yasin, al-Mulk, al-Sajadah dan al-Waqi'ah. Syeikh Abdul Rauf turut menyatakan sandaran amalan tilawah al-Qur'an adalah daripada Nabi Muhammad SAW. Selain ini, tilawah al-Qur'an yang diketengahkan juga dikaitkan dengan amalan tahlil membaca al-Qur'an dan khatam al-Qur'an. Dua amalan ini juga disertakan kaifiat secara terperinci.


Sehubungan di atas, dimensi luaran tahap kedua adalah gerak kerja seharian yang dipenuhi dengan ibadah sunat bermula dari waktu subuh hingga waktu malam. Pengisian setiap ruang masa seharian dapat dilihat pada frasa "*Sayugianya pula*

kemudian daripada sudah sembahyang subuh... hingga datang kepada terbit matahari sekira-kira sekujur..”, “dan apabila sampai seperempat hari”, “kemudian dari sembahyang maghrib”. Frasa ini membuktikan Syeikh Abdul Rauf berusaha membimbing masyarakat mengisi masa sepenuhnya dengan beribadah. Namun, beliau masih mengambil kira waktu untuk mencari rezeki, seperti yang dapat dilihat pada frasa “Kemudian daripada sudah ia sembahyang dua rakaat itu, maka jika ada baginya sesuatu hajat yang tiada dapat tiada pergi kepadanya...”. Frasa bertanda garis adalah ungkapan yang menunjukkan kepada anjuran bekerja atau apa sahaja tuntutan dunia yang perlu dilakukan setelah melaksanakan ibadah sunat.

DAPATAN

Kajian ini mendapati pembinaan akhlak amat terkesan dengan pembinaan dimensi dalaman yang berteras kepada kesedaran akidah. Ia perlu diikuti dengan pemantapan dimensi luaran yang meliputi latihan kerohanian dan amalan zikir, di samping pelaksanaan ibadah sunat. Semua latihan dan amalan ini perlu dilakukan dengan penuh ikhlas kerana Allah SWT agar memberi kesan baik kepada pengamal ibadah.

Sehubungan ini, kajian ini menggariskan satu model pembinaan akhlak Syeikh Abdul Rauf Singkel berdasarkan naskhah kitab *Umdat al-Muhtajin* yang dipermudahkan pada Rajah 1.



RAJAH 1. Model Pembinaan Akhlak Syeikh Abdul Rauf Singkel

KESIMPULAN

Akhlak adalah tindakan yang menjadi kebiasaan seseorang. Ia bukan sekadar tindakan dan tingkah laku luaran, tetapi ia berkait rapat dengan dimensi dalaman. Naskhah kitab *Umdat al-Muhtajin* karangan Syeikh Abdul Rauf Singkel telah mengupas aspek pembinaan akhlak daripada dua dimensi, iaitu dimensi dalaman dan luaran. Dimensi dalaman terbentuk daripada kesedaran akidah terhadap keesaan Allah SWT melalui kalimah tauhid atau kalimah syahadah *La ilaha illa'Llah*. Dimensi luaran pula berkait rapat dengan latihan rutin dan pelaksanaan amalan ibadah seharian, tanpa mengurangkan waktu bekerja mencari rezeki.

Sehubungan ini, naskhah kitab *Umdat al-Muhtajin*, walaupun dihasilkan empat abad silam, namun tema penulisannya tentang akhlak telah menjadi buah fikiran pengarangnya, Syeikh Abdul Rauf Singkel. Ini menunjukkan tema akhlak adalah isu dahulu dan kini. Ia adalah isu tetap setiap zaman. Isu ini telah menjadi fokus naskhah kitab *Umdat al-Muhtajin* secara tersirat, di sebalik tema suluk yang diketengahkan secara tersurat. Abad 21 Masihi kini, isu akhlak semakin kritikal. Keruntuhan akhlak tergambar di mana-mana. Masalah pembunuhan berlaku sewenang-wenangnya, demikian juga, masalah perkosaan, rompakan dan sebagainya. Isu ini telah menjadi masalah berat yang memerlukan pelbagai cadangan dan usaha untuk menanganinya.

Oleh itu, model pembinaan akhlak berdasarkan pemikiran Syekh Abdul Rauf dalam naskhah *Umdat al-Muhtajin* diharap dapat menjadi panduan dalam menghadapi isu akhlak hari ini.

RUJUKAN

- al-Qur'an al-Karim. 1987. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Azyumardi Azra. 2004. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Nusantara Abad ke 17 dan 18*. Jakarta: al-Mizan.
- Endraswara. 2008. *Metodologi Penelitian Sastra*. Yogyakarta: FBS Universitas Negeri Yogyakarta.
- Fairuzah Basri. 2015. Manuskrip *Umdat al-Muhtajin* ila Suluk Maslak al-Mufridin: Analisis dan Pentahkikan. Tesis PhD, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fairuzah Basri
Akademik Pengajian Islam Kontemporari
UiTM, Shah Alam
Selangor.
E-mel: fairuzah613@uitm.edu.my
- Mujaini Tarimin
Akademik Pengajian Islam Kontemporari
UiTM, Shah Alam
Selangor.
E-mel: muzaini@unisel.edu.my
- Diserahkan: 15 Ogos 2021
Diterima: 15 Disember 2021
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1967/1387H. *Ihya' Ulum a-Din*. Jilid 1, Kaherah: Muassasat Halabi wa Syarakah.
- Ibn al-Manzur, Abi Fadhl Jamaluddin Muhammad bin Mukarram. 2012. *Lisan al-'Arab*. Jilid 5. Beirut: Dar al-Sadir.
- Hasjmy, A. 1977. *59 Tahun Aceh Merdeka di bawah Pemerintahan Para Ratu*. Jakarta: Bulan Bintang.
- al-Juwaini, Imam al-Haramayn Abi al-Ma'ali Abd al-Malik bin Abdullah bin Yusuf al-Shafi'i. 1999/1420H. *al-Syamil fi Usul al-Din*. Wad Hawasyah: Abdullah Mahmud Muhammad Umar. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Kamus Dewan*. 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Makki, Abu Talib Muhammad bin Abi al-Hasan Ali ibn Abbas. 2001M/1446H. *Qut al-Qulub*. Tahqiq Mahmud Ibrahim al-Ridwani. Jilid 1. Mesir: Matba'ah al-Maimuniyyah.
- Mana Sikana 1988. *Asas Menganalisa Sastra*. Bangi: Yayasan Karyawan.
- al-Marini, Najat. 2006. Fi Manhaj Tahqiq al-Nusus al-Thurathiyah. Dlm. *Tahqiq al-Nusus al-Thurathiyah*. Mamlakat al-Maghribiyah: Jami'ah Muhammad al-Khamis.
- Mohamad Said. 1981. *Atjeh Sepanjang Abad*. Medan: P.T. Percetakan dan Penerbit Waspada.
- Sanusi al-Kubra, Muhammad bin Yusuf al-Sanusi. 1969. *Umm al-Barahin*. Dlm. Umar Awang. *Studies on Two Arabic Sources of Shari'ah Thought*. Tesis Sarjana Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Siti Hawa Mohd Salleh. 2009. Wacana Filologi: Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan. dlm. *Kelopak Pemikiran Sastra Melayu*. Hlm. 217-253. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.